



10 FEB, 2021

## Patuhi SOP ketika membeli

SelangorKini, Malaysia

Page 1 of 2

## Patuhi SOP ketika membeli

**SHAH ALAM** - Pengunjung perlu mematuhi peraturan ketika berada di pasar tani di perkarangan Stadium Shah Alam yang kembali beroperasi sejak 31 Januari, kata EXCO pertanian dan asas tani.

Ir Izhah Hashim berkata orang ramai diminta tidak mengambil mudah pematuhan tatacara operasi piawai (SOP) kerana penularan Covid-19 di negeri ini masih tinggi.

"Majlis Keselamatan Negara membenarkan pasar tani beroperasi, justeru menjadi tanggungjawab kita semua untuk kekalkan disiplin ketika berada di tempat awam," katanya pada 28 Januari.

Beliau mengingatkan orang ramai supaya memakai pelitup muka, merekod suhu badan, menggunakan cecair pembasmi kuman dan sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal.

Pada 12 Januari lalu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata pasar harian dan pasar tani boleh beroperasi sepanjang dari jam 7 pagi hingga 2 petang.

Pasar borong pula dibenarkan dibuka dari 12.01 tengah malam hingga 6 pagi dan 11 pagi hingga 4 petang.



10 FEB, 2021

## Patuhi SOP ketika membeli

SelangorKini, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SHAH ALAM - Pengunjung perlu mematuhi peraturan ketika berada di pasar tani di perkarangan Stadium Shah Alam yang kembali beroperasi sejak 31 Januari, kata EXCO pertanian dan asas tani. Ir Izham Hashim berkata orang ramai diminta tidak mengambil mudah pematuhan tatacara operasi piawai (SOP) kerana penularan Covid-19 di negeri ini masih tinggi.